

26 SEP 2001

SYED RAZAK RAIKAN THAN SHWE PADA MAJLIS JAMUAN

LANGKAWI, 26 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain malan ini meraikan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar Jen Kanan Than Shwe pada majlis jamuan di Hotel Andaman di Teluk Datai di sini.

Majlis jamuan itu diadakan sempena lawatan dua hari oleh Than Shwe ke pulau lagenda ini.

Beliau diiringi oleh isterinya Daw Kyaing Kyaing dan anggota-anggota delegasi dari Yangon.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib selaku Menteri Pengiring.

Esok, Than Shwe akan diberi taklimat mengenai pembangunan Langkawi di kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di Kuah.

Beliau dijadual melawat Galeria Perdana, yang mempamerkan koleksi cenderamata yang diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan ke luar negara.

Than Shwe dijadual berlepas pulang pada sebelah tengah hari.

-- BERNAMA

NH FAZ